

Jangan berhutang untuk sambut Aidilfitri



SEBAGAI pakar dalam perancangan kewangan, Fazli mengingatkan pengguna supaya tidak sekali-kali berhutang atau membuat pinjaman semata-mata untuk kegunaan ketika berbelanja di musim perayaan.

EKSTRA

Prof. Madya Dr. Mohamad Fazli Sabri

- Berusia 43 tahun
- Berasal dari Lenggong, Perak
- Merupakan bapa kepada lima orang cahaya mata

• Memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Pembangunan Manusia, pengkhususan Pengurusan Sumber dan Pengajaran Pengguna, Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 1999

• Menyambung pengajian pada peringkat Sarjana dalam bidang Sains Pengguna juga di UPM pada tahun 2002

• Memperoleh gelaran Doktor Falsafah dalam bidang Pembangunan Manusia dan Pengajaran Keluarga, pengkhususan Kewangan Keluarga dan Iowa State University, Amerika Syarikat pada tahun 2011

• Menjawat jawatan sebagai Ketua Jabatan di Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajaran Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia, UPM dari tahun 2012 hingga 2017

• Dilantik sebagai Timbalan Dekan Fakulti Ekologi Manusia, UPM pada April 2018

• Merupakan Ahli Majlis Kebangsaan, Majlis Perancangan Kewangan Malaysia dan Exco Persatuhan Ekonomi Pengguna dan Keluarga Malaysia

Foto FAISOL MUSTAFA

Pengguna seharusnya sedar tahap kemampuan sendiri dalam berbelanja dengan menyediakan senarai keperluan bajet bagi mengelak berlaku masalah kewangan sehingga menyebabkan mereka terpaksa membuat pinjaman kewangan.

SAMBUTAN Aidilfitri yang disambut setahun sekali kadangkala menjadi titik kepada pengguna untuk berbelanja sakan tanpa mengira kemampuan bajet sendiri. Ditambah dengan tawaran-tawaran menarik semasa musim perayaan menjadikan pengguna lebih rambang mata hingga akhirnya membuatkan mereka berbelanja di luar kemampuan masing-masing.

Situasi tersebut jika tidak dikawal akan mengakibatkan pengguna mengalami masalah kewangan, terutamanya selepas sambutan perayaan apabila bajet yang sepatutnya digunakan untuk keperluan komitmen lain telah habis digunakan.

Keadaan menjadi bertambah buruk apabila pengguna tidak membuat simpanan sebagai persediaan sehingga memaksanya membuat pinjaman kewangan.

Apakah langkah terbaik yang perlu dibuat bagi mengatasi masalah tersebut? Bagi mendapatkan jawapannya, ikuti temu bual yang dilakukan oleh wartawan *Kosmo! Ahad*, **MOHAMMAD SHAHEMY AZMI**, bersama Timbalan Dekan, Pengajian Siswazah dan Jaringan Industri dan Masyarakat, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Mohamad Fazli Sabri yang juga merupakan Ahli Majlis Kebangsaan, Majlis Perancangan Kewangan Malaysia di pejabatnya baru-baru ini.

KOSMO! AHAD: Boleh Prof jelaskan secara ringkas tentang bidang kepakaran Prof. di Fakulti Ekologi Manusia, UPM?

MOHAMAD FAZLI: Bidang kepakaran saya adalah dalam Kewangan Pengguna dan sekarang pun saya merupakan salah seorang Ahli Majlis Kebangsaan dalam Majlis Perancangan

Kewangan Malaysia. Bidang saya adalah berkaitan pengurusan kewangan. Jadi, saya akan memberi fokus dalam konteks peribadi dan perancangan kewangan keluarga. Pada masa yang sama juga, saya adalah pemegang diploma lanjut untuk Perancangan Kewangan daripada Kementerian Sumber Manusia untuk Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

Sebagai pakar dalam bidang perancangan kewangan, apakah yang selalu Prof. perhatikan terhadap sikap masyarakat setiap kali tiba musim perayaan?

Saya pernah menjalankan satu kajian berkaitan isu perbelanjaan semasa musim perayaan untuk memahami corak perbelanjaan rakyat Malaysia semasa musim perayaan dengan melibatkan seramai 748 orang responden atau pengguna di seluruh negara secara dalam talian. Berdasarkan kajian yang dijalankan, sebanyak 21 peratus responden menyatakan bahawa mereka tidak menyediakan bajet untuk hari raya.

Pengguna yang membuat bajet pula belum tentu bersikap disiplin dan mengikut bajet yang telah dibuat dan tidak terlepas untuk boros berbelanja. Apa yang pasti, kajian terhadap perbelanjaan semasa musim perayaan mendapati bahawa apabila tiba musim perayaan, jumlah perbelanjaan pengguna akan meningkat antara satu hingga tiga kali ganda berbanding bulan-bulan biasa.

Setiap bulan, pengguna akan memperoleh pendapatan yang sama. Kalau nak bercakap tentang bonus, ia tidak menentu dan bukan semua pengguna mendapat perolehan bonus yang sama. Kebanyakan masyarakat sanggup sedapkan hati dengan berkata 'raya cuma sekali' sehingga akhirnya mereka hilang kawalan ketika berbelanja.

Siapakah kelompok pengguna yang dilihat selalu gagal merancang kewangan mereka dengan baik semasa musim perayaan?

Berdasarkan trend yang diperoleh,

golongan yang paling ramai mengeluarkan belanja melebihi bulan biasa pada musim perayaan ialah wanita muda berumur antara 20 hingga 39 tahun atau saya gelar sebagai eksekutif muda terutama golongan bujang yang telah mempunyai kerjaya stabil. Mereka tidak terikat dengan komitmen besar kerana belum berkeluarga dan ditambah dengan kehidupan di bandar. Cara mereka berbelanja pada hari ini mungkin berbeza dengan kelompok sama pada masa lalu kerana mengikuti perkembangan semasa selain dipengaruhi rakan-rakan. Oleh itu, mereka seluruhnya tidak mempunyai perancangan dan berbelanja dengan sewenang-wenangnya.

Bagaimana Prof. melihat trend masyarakat yang suka berhutang semata-mata untuk nampak gah di mata orang lain semasa hari raya?

Masyarakat sepatutnya boleh berflirkir dengan rasional kenapa mereka perlu berbelanja besar dan berlebih-lebihan semasa perayaan. Sepatutnya, masyarakat kena faham pengertian hari raya itu sendiri kerana ia tidak semestinya perlu berlebih-lebihan. Apabila berhutang, ia melibatkan banyak implikasi seperti mufis sehingga mereka berdepan pula dengan stigma masyarakat sekali gus menjadikan hubungan.

Apakah yang selalu saya perhatikan, apabila tiba musim perayaan, pasti kita akan temui kad-kad daripada syarikat pinjaman wang berlesen yang diselitkan di kereta atau dimasukkan ke dalam peti surat di rumah. Pengguna yang tidak mempunyai perancangan bajet dan betul-betul terdesak tidak mempunyai cara lain untuk memperoleh wang pada kadar segera kecuali dengan meminjam sama ada daripada ahli keluarga, rakan-rakan atau syarikat pinjaman wang.

Pengguna mendakwa meminjam daripada syarikat pinjaman wang berlesen namun hakikatnya mereka hanya terjerat dengan beban hutang. Perkara lain yang saya perhatikan ketika musim perayaan adalah muncul iklan-iklan yang menggalakkan untuk orang ramai berbelanja sehingga tindanya saranan yang menyuruh agar pelanggan berhemah ketika berbelanja. Masyarakat tidak perlu mengikuti tuntutan nafsu kerana mereka seharusnya fikir pada masa depan seperti simpanan jika berlaku kecemasan.

PERBELANJAAN pengguna semasa musim perayaan didapati akan meningkat antara satu hingga tiga kali ganda.



SAMBUTAN Hari Raya Aidilfitri yang disambut setahun sekali menjadi alasan pengguna untuk sakan berbelanja.

Gambar hiasan

Apakah bentuk perancangan kewangan yang perlu diaturkan oleh pengguna setiap tahun terutamanya ketika menyambut hari perayaan?

Perkara paling penting sebelum berbelanja adalah dengan menyediakan bajet. Jika pengguna sudah berkawwin, mereka perlu libatkan pasangan, maknanya perlu sama-sama mengeluarkan bajet dan susun perancangan dengan baik.

Saya perhatikan, perbelanjaan yang tinggi semasa perayaan adalah pada pakaian. Selain itu, pengguna juga perlu memikirkan bajet makanan keperluan juadah raya dan perbelanjaan untuk kendaraan. Saya sarankan supaya pengguna membuat perancangan awal sekurang-kurangnya setahun bergantung pada perbelanjaan yang dirancang. Mereka tidak perlu menyimpan banyak setiap bulan semata-mata untuk keperluan hari raya sebab ia melibatkan perbelanjaan bermusim.

Tiap-tiap tahun kita akan menyambut hari raya dan sepatutnya kita sudah tahu berapa bajet yang diperlukan. Pengguna tidak boleh harapkan tiap-tiap tahun akan mendapat durian runtuh (bonus) daripada kerajaan ataupun majikan kerana ia tidak menentu. Apabila perancangan bajet dibuat dengan teratur, pasti tidak akan timbul isu masalah kewangan di kemudian hari sehingga membebangkan mereka.

Apakah tip yang boleh diberikan kepada kelompok individu yang telah berkeluarga dan memiliki lebih daripada seorang anak dalam membuat perhitungan bajet semasa berbelanja?

Seperi yang diberitahu, ia perlu melibatkan pasangan untuk sama-sama merancang bajet, secara tidak langsung ia mendidik satu sama lain untuk menilai antara kemauan dan juga kehendak semasa lebaran. Apa yang paling penting, pengguna perlu melihat semula status dan kemampuan pendapatan mereka dalam keluarga dan elakkan daripada membuat perbelanjaan di saat akhir.

Perbelanjaan antara individu yang telah berkeluarga dengan individu bujang berbeza kerana mereka yang telah berkeluarga melibatkan pasangan dan anak-anak. Semasa menyusun bajet raya, pengguna perlu asingkan perbelanjaan selepas perayaan. Paling penting adalah perbelanjaan untuk membayar komitmen bulanan. Dalam kes-kes tertentu, pengguna mungkin boleh menggunakan simpanan yang ada seperti simpanan kecemasan berbanding berhutang dengan membuat pinjaman daripada pihak lain.

Apakah nasihat Prof. kepada masyarakat dalam berbelanja semasa hari raya supaya tidak membebankan diri sendiri di kemudian hari?

Kepada pengguna, jika hendak membeli sesuatu, ambil masa untuk berfikir sama ada benda yang kita hendak beli itu adalah keperluan atau kehendak sebelum membuat keputusan. Apa-apa pun, ia berbalik pada konsep asal, iaitu pengguna perlu membuat senarai bajet dan susun mengikut keutamaan. Saya ingin ingatkan sekali lagi supaya jangan membuat pinjaman semata-mata untuk menyambut hari raya serta tidak mengamalkan konsep gali lubang, tutup lubang untuk kepuasan sementara.

Kepada pengguna yang mendapat kelebihan bonus, rancang betul-betul perbelanjaan dan buat sedikit simpanan. Konsep yang paling mudah adalah dengan mengukur baju di badan sendiri kerana kita sendiri tahu tahap kemampuan kita dalam berbelanja. Pengguna perlu ada disiplin dan elakkan daripada melihat tawaran dan iklan dalam laman sosial kerana ia membawa pengaruh yang besar terhadap pengguna pada hari ini.